

# KENYATAAN TAWARAN



## JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA: **QT26000000018504**

### PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MODUL RT PROGRESIF BAGI JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL UNTUK TEMPOH 24 BULAN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Senarai Kod Bidang Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang yang masih sah dan berkuatkuasa seperti berikut:**

**210103** (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance); dan

**210104** (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Software/ System Development/ Customization and maintenance Including Data entry, data processing; dan

**210107** (ICT (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ ICT Security and Firewall, Encrytion, PKI, Anti Virus; dan

**210108** (Information Communication Technology) (Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Sektor Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/ Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan Dan Komponen/ Multimedia-products, services and maintenance (video conferencing, web cast, Graphic design, animation)

2. Butiran Sebut Harga adalah seperti berikut:

Bil.	Kod Sebut Harga	Nama Zon	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Iklan/Tutup
1.	QT26000000018504	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	29 Jun 2026 (Isnin) 10.00 pagi Dewan Perpaduan Aras 10, JPNIN	<b>25 Jun 2026 (Khamis)</b> Mulai 12.00 tengahari  <b>6 Julai 2025 (Isnin)</b> Tutup 12.00 tengahari  Melalui sistem ePerolehan

3. Sebut Harga dilaksanakan menerusi sistem ePerolehan sepenuhnya dan boleh diakses di halaman portal rasmi ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my>). Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan sistem ePerolehan (eP enabled). Tawaran Kewangan dan Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup Sebut Harga.

4. Setiap Penyebutharga yang hendak memasuki sebut harga **perlu menyemak jemputan ke Taklimat Sebut Harga melalui sistem ePerolehan dan DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT SEBUT HARGA**. Selaras dengan arahan Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan: PK 2.1, Penyebutharga yang menghadiri taklimat **MESTILAH penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Kod Bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama tersebut**.
5. **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga**.
6. Tawaran sebut harga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
  - a. Penyebutharga **GAGAL** menghadiri **taklimat sebut harga**;
  - b. Penyebutharga **GAGAL** memuat naik **dokumen wajib dengan lengkap** ke dalam sistem ePerolehan;
  - c. Penyebutharga **menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuatnaik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran** yang dikemukakan secara atas talian; atau
  - d. Penyebutharga **LEWAT** menyerahkan tawaran sebut harga dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan.
7. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.